

### MAKLUMAT INOVASI 2013

i.	Nama Ketua Kumpulan :	Dr Tan I-Lene
ii.	Jawatan dan Gred :	Pegawai Veterinar G41
iii.	Alamat :	Seksyen Babi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Aras G, Lot 4G2, Blok Podium, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya Malaysia
iv.	No. Telefon Pejabat dan Tel. Bimbit serta No. Faks :	Tel : +603 88702446 Fax : +603 88702451
v.	E-mail	ilenetan@dvs.gov.my
vi.	Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred:	
	1.Fakhrulisham Bin Razali	

### KETERANGAN INOVASI

a.	Tajuk inovasi
	Breeddata: Sistem Perekodan Pembiakbakaan (Lembu) Kebangsaan
b.	Ringkasan Inovasi
	<p>Permanian Beradas (AI) merupakan satu teknik yang sering digunakan untuk meningkatkan prestasi pembiakbakaan dalam ternakan, terutamanya dalam ternakan lembu. Perkhidmatan permanian beradas (AI) selama ini telah direkodkan menggunakan sistem berasaskan kertas. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan dengan sistem yang berasaskan kertas adalah kesukaran untuk mendapat rekod yang tepat dan lengkap daripada penyuntik permanian beradas, kelambatan untuk mengisi rekod, ketidakcekapan untuk mendapat data lampau dan kesukaran untuk membuat analisa yang berkesan terhadap data yang dikumpul. Oleh itu, Seksyen Teknologi Pembiakan dan Pembakaan dengan Bahagian Penyelidikan telah membangunkan satu sistem perekodan secara <i>online</i> untuk menyelaraskan pengumpulan rekod/data pembiakbakaan secara permanian beradas di seluruh negara.</p>

	<p>Kelebihan sistem ini adalah ia membolehkan penyuntik AI memasukkan data dari mana-mana lokasi yang mempunyai kemudahan <i>internet</i>, rekod dan data yang dikumpul adalah selaras antara semua negeri, data boleh ditapis dan dianalisa dalam pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat yang berguna dengan cepat dan mudah serta sistem ini boleh diakses oleh para pegawai pemantau dari mana-mana jua.</p> <p>Sistem ini akan memudahkan Jabatan memantau prestasi pembaikbakaan ternakan serta membolehkan perancangan dan implementasi polisi pembiakbakaan yang lebih jitu.</p> <p>Pada ketika ini, sistem ini hanya melibatkan perekodan pernianian beradas dalam ternakan lembu di bawah projek EPP5c (Perkhidmatan Pembiakbakaan) sebagai permulaan. Namun, kumpulan projek ini akan berusaha untuk mengembangkan sistem ini kepada ternakan lain dan juga untuk merekodkan pembiakan secara tabii.</p>
c.	Latarbelakang
	<p>Program Transformasi Ekonomi telah dilancarkan dengan 131 Projek Permulaan (EPP). Program ini merupakan satu inisiatif oleh kerajaan Malaysia untuk menjadikan Malaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. EPP adalah pelaksanaan projek-projek yang diketuai dan dibiayai oleh sektor swasta. Kerajaan akan menjadi fasilitator yang menyediakan tindakan pecahan kewangan sebagai penggalak dalam mewujudkan industri yang didorong oleh pasaran, skala dan pertanian bersepadu.</p> <p>Antara projek-projek EPP, satu EPP berkaitan dengan Program Pembiakan iaitu EPP5c untuk meningkatkan prestasi pembiakan lembu. Dengan itu, kumpulan projek EPP5c telah menyediakan garis panduan untuk membantu sektor swasta bagi menjayakan projek ini. Untuk memperbaiki cara mengumpul rekod, maklumat dan data, meningkatkan ketelusan dalam tuntutan pembayaran perkhidmatan dan pemantauan projek, kami telah berjaya mereka bentuk dan membangunkan pangkalan data untuk membantu penyedia perkhidmatan untuk menyimpan rekod dan menjana laporan perkhidmatan mereka serta membolehkan pemantauan projek ini secara mudah dan teliti.</p>
d.	Penjelasan inovasi
	Melalui sistem Breeddata, kami berharap untuk mewujudkan satu sistem

	<p>dalam talian yang membolehkan pengendalian data dan rekod baka yang datang dari semua yang mengambil bahagian dalam projek ini supaya kami boleh menguruskan program pembiakan dengan berkesan. Sistem ini dibangunkan dengan teknologi terkini dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang secukupnya untuk memastikan integriti rekod dan data yang dikumpulkan dan disimpan dalam server khas.</p> <p>Rekod untuk program pembiakbakaan akan diisi oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam program EPP5c. Mereka ditugaskan untuk memberi perkhidmatan AI kepada semua ladang di Semenanjung Malaysia dan akan mengisi data dari seluruh negara dengan menggunakan sistem dalam talian ini.</p> <p>Rekod-rekod ini mesti disahkan oleh doktor veterinar syarikat, penyelaras pembiakbakaan negeri serta Sekyen Teknologi Pembiakan dan Pembakaan di IPPV. Setiap rekod yang dimasukkan tidak boleh diubah (<i>edit</i>) oleh mana-mana pengguna. Setiap ternakan dan rekodnya boleh dikesan (<i>Traceability</i>) melalui nombor RFID yang unik dan tidak boleh ditukar dalam hayat ternakan tersebut kerana tag RFID yang digunakan adalah jenis <i>Rumen Bolus</i>. Anak yang dihasilkan melalui AI akan diikat (<i>Link</i>) dengan nombor RFID induknya dan nombor siri semen daripada pejantan. Ini membolehkan rekod pedigri dikumpulkan.</p> <p>Oleh kerana semua rekod adalah dalam bentuk digital, data-data boleh diekstrakkan dan dimasukkan (<i>Merge/Export</i>) dalam mana-mana perisian komputer (<i>software</i>) untuk dianalisa dengan mudah. Rekod juga boleh dicetak oleh penyedia perkhidmatan untuk diberi kepada pemilik ternakan untuk rujukan ladang tersebut. Hanya rekod yang dicetak daripada sistem ini dengan pengesahan yang sesuai boleh diterima sebagai bukti perkhidmatan dibuat dan juga sebagai bukti salasilah/pedigri ternakan tersebut.</p>
e.	Faedah inovasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Mempercepatkan pemantauan berkesan terhadap aktiviti pembiakbakaan</li> <li>✓ Mudah digunakan</li> <li>✓ Menggunakan peralatan yang sedia ada dan mudah didapati (Cth: Komputer, Komputer riba, <i>Smartphone</i>)</li> <li>✓ Menjimatkan kos pengurusan</li> <li>✓ Memudahkan urusan menganalisis data</li> <li>✓ Mudah untuk difahami oleh pengguna</li> <li>✓ Dibangunkan secara <i>in-house</i> yang memenuhi keperluan Jabatan (Pihak pemantau) dan pengguna</li> </ul>

	<p>✓ Menggunakan teknologi terkini.</p> <p><b>Faedah Lain:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Data dan maklumat disimpan dan dikawal oleh pegawai jabatan</li> <li>⊙ Tidak melibatkan kos perkhidmatan dari luar.</li> </ul>
--	--

**1. ASAS-ASAS PENCALONAN:** *(Untuk diisi oleh pencadang)*

- |  |  |
|--|--|
|  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem ini merupakan sistem perekodan pembiakbakaan kebangsaan secara online yang pertama di Jabatan.</li> <li>2. Sistem ini menyelaraskan semua perekodan pembiakbakaan di seluruh negara.</li> <li>3. Sistem ini dibangunkan keseluruhannya secara dalaman (<i>In-house</i>) oleh staf Jabatan.</li> <li>4. Sistem ini tidak mendatangkan kos yang tinggi kepada Jabatan namun dijangka akan mendatangkan banyak faedah kepada pihak Jabatan dan industri penternakan secara keseluruhan.</li> <li>5. Sistem ini membolehkan pelbagai data kasar dikumpulkan dan dimanipulasi untuk dianalisa bagi pelbagai penyelidikan mengenai prestasi ternakan.</li> <li>6. Selain daripada itu, sistem ini juga memudahkan pemantauan projek dan implementasi polisi pembiakbakaan Jabatan.</li> </ol> |
|--|--|